

Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas

ZEAS pacu ekonomi tiga negeri

Mohamad Fazrul Abdul Majid dan Norafiqah Jamal

SERI NEGERI - Zon Ekonomi Anjung Selatan (ZEAS) yang dicadangkan untuk diwujudkan memabatkan tiga negeri iaitu Melaka, Johor dan Negeri Sembilan bakal menjadi satu medium terbaik kerjasama projek pembangunan berimpak tinggi yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi mampan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, ZEAS dicadangkan untuk melengkapkan pembangunan infrastruktur dan meningkatkan ekonomi negeri melalui pelbagai sektor termasuklah perindustrian, pelancongan, pertanian dan infrastruktur.

Bagi menyokong pembangunan ZEAS, beliau menjelaskan, terdapat empat projek yang menjadi keutamaan, antaranya projek lebuh raya West Coast Expressway (WCE) yang melibatkan jajaran dari Banting hingga ke Gelang Patah, Johor yang akan melalui Negeri Sembilan dan Melaka.

"Seterusnya, adalah Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) yang juga menjadi permintaan ketiga-tiga negeri untuk menjadi kluster ekonomi baharu, di mana perkara ini akan dibincangkan bersama Kementerian



AB Rauf ketika menjawab soalan lisan pada Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

Ekonomi.

"Ketiga, pembangunan zon ekonomi seperti Maharani Freeport, Johor; Straits of Waterfront Economic Zone (SM-WEZ), Melaka dan Smart AI Container Port, Negeri Sembilan yang diwujudkan bagi ketiga-tiga negeri dapat

memasarkan produk masing-masing tanpa perlu bersaing, sebaliknya menyokong antara satu sama lain.

"Manakala, projek terakhir ialah Jelapang Padi Anjung Selatan yang turut melibatkan kawasan Sungai Rambai, di mana ia

bukan sahaja memperkasa pertanian, tetapi juga memacu sektor pelancongan tiga negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Datuk Siti Faizah Abdul Aziz (BN-Sungai Rambai) pada Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal

INFO

Zon Ekonomi Anjung Selatan (ZEAS)

Fokus 4 kluster

- Perindustrian
- Pelancongan
- Pertanian
- Infrastruktur

Projek keutamaan

- 1. Lebuhraya WCE
- 2. Projek Keretapi HSR KL-Singapura
- 3. Zon ekonomi
- 4. Jelapang Padi Selatan

- Diseragamkan dengan pembangunan Kluster Industri Wilayah Tengah

Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas, di sini, 9 Disember lalu.

Ab Rauf yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Bidara berkata, satu bengkel telah diadakan memabatkan ketiga-tiga negeri bagi memperincikan lebih lanjut mengenai pembangunan ZEAS.

Jelas beliau, dapatan daripada bengkel itu akan dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Wilayah sebelum diangkat ke Mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN).